

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang yang menghendaki semua warga Malaysia dan warga asing untuk menjalani vaksinasi COVID-19 memandangkan agak ramai warga Malaysia yang sihat masih tidak ingin diadakan suntikan vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penerimaan vaksin COVID-19 pada masa ini adalah secara sukarela. Dalam hal ini, setiap penerima vaksin perlu menandatangani borang persetujuan sebelum menerima suntikan vaksin COVID-19 setelah membaca dan memahami isi kandungan borang persetujuan tersebut.
2. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 di kalangan masyarakat. Antaranya ialah:
 - i) Kerajaan memberikan kemudahan kepada penerima vaksin lengkap, seperti dibenarkan untuk makan di restoran, dibenarkan melakukan aktiviti pelancongan tertentu, dan pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan untuk merentas daerah dan negeri.
 - ii) Kerajaan memudahkan penerimaan vaksin oleh masyarakat dengan menjalankan aktiviti *outreach* ke kawasan kampung dan

pedalaman, serta menjalankan aktiviti pemberian suntikan vaksin di rumah bagi individu yang terlantar. Pemberian vaksin juga dilaksanakan secara *walk-in* di beberapa kawasan. Bagi industri dengan tenaga kerja yang besar, pemberian vaksin dilaksanakan di tempat kerja. Penambahan pusat pemberian vaksin (PPV) juga dilaksanakan di kawasan tertentu, bagi meningkatkan bilangan individu yang boleh diberi suntikan vaksin dalam sehari.

- iii) Menggunakan vaksin satu dos seperti vaksin CanSino bagi memudahkan capaian vaksin yang menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman dan pulau, perkampungan Orang Asli, pendatang tanpa izin (PATI), Pusat Tahanan Imigresen dan penjara.
- iv) Menggiatkan aktiviti libat urus (*engagement*), promosi dan pendidikan kesihatan bersama masyarakat, agar penerangan dapat diberikan bagi menjelaskan sebarang kemusykilan dan kekeliruan.
- v) Menjalankan aktiviti libat urus dengan ketua komuniti seperti Tok Batin, penghulu, ketua kampung atau wakil penduduk bagi membantu menyakinkan penduduk setempat mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19.

3. Inisiatif yang dilaksanakan ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sehingga 29 September 2021, 94% penduduk dewasa di Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos, manakala 85% penduduk dewasa telah lengkap menerima suntikan vaksin. Berdasarkan hasil kajian pada bulan April 2021 oleh Kementerian Kesihatan, kadar penerimaan vaksin oleh penduduk Malaysia ialah 85% manakala yang tidak setuju menerima vaksin hanyalah 5%. Oleh itu, sasaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijangka boleh dicapai tanpa perlu mewajibkan imunisasi COVID-19.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Langkah mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia merupakan cadangan inisiatif terakhir yang hanya akan dilaksanakan sekiranya perlu bagi mencapai liputan imunisasi yang optima.

5. Kementerian Kesihatan turut meneliti beberapa alternatif lain untuk meningkatkan penerimaan vaksin COVID-19, iaitu:

- i) Pilihan 'Opt Out' untuk tidak mengambil vaksin bagi individu yang tidak mahu mengambil vaksin dan bersetuju untuk tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penerima vaksin COVID-19 lengkap;
- ii) Mewajibkan individu lengkap pengambilan vaksin COVID-19 sebagai syarat untuk melakukan aktiviti tertentu seperti memasuki fasiliti awam (seperti institusi pendidikan, perpustakaan dan sebagainya) dan aktiviti sosial (seperti *dine-in*, bersukan dan beriadah);
- iii) Cadangan mewajibkan pengambilan vaksin dalam sektor tertentu sahaja seperti sektor kesihatan, sektor keselamatan, sektor pendidikan dan sektor perkhidmatan melalui peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].

6. Kementerian Kesihatan meneruskan usaha advokasi dan memberi penerangan mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 kepada masyarakat, termasuk berkongsi maklumat terkini keberkesanan dan keselamatan vaksin COVID-19, di samping menambahbaik dan memperluaskan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 oleh masyarakat di setiap pelusuk negara ini, baik di kalangan warganegara mahupun bukan warganegara.

Sekian, terima kasih.